KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	04.03.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	TNB			



ASHARI (kiri) melihat kakitangan TNB melakukan pemotongan bekalan elektrik di premis judi haram di Taman Setapak Jaya.

Polis, TNB potong elektrik sembilan premis judi dalam talian

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sembilan premis yang menjalankan kegiatan perjudian di daerah Wangsa Maju dikenakan tindakan pemotongan bekalan elektrik, semalam.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju Superintendan Ashari Abu Samah berkata, pemotongan bekalan elektrik itu dibuat di Taman Setapak Jaya, Jalan Tasik Titiwangsa, Jalan Tun Razak, Jalan Ampang Hilir, Jalan Gombak Batu 5 dan Setapak.

"Kebanyakan premis yang diserbu itu adalah rumah kedai yang dipercayai disewa oleh sindiket judi dalam talian dan pernah beberapa kali diserbu oleh pihak polis.

"Dalam serbuan terbaharu, kami menahan tiga individu termasuk penjaga premis perjudian dalam talian di Taman Setapak Jaya pada 21 Januari lalu.

"Kami merampas pelbagai peralatan yang digunakan untuk kegiatan judi dalam talian di premis berkenaan dan suspek sudah dituduh di mahkamah pada 26 Januari lalu," katanya pada sidang media di Taman Setapak Jaya di sini.

Terdahulu, beliau bersama beberapa anggotanya dan kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memotong bekalan elektrik di dua premis di Taman Setapak Jaya, di sini.

Pemeriksaan mendapati satu daripada dua premis berkenaan didapati mencuri elektrik secara terus dari premis lain.

Ashari berkata, tindakan pemotongan bekalan elektrik itu dibuat mengikut Seksyen 21A Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) dan Seksyen 38 (1A) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

"Sekiranya pemilik premis mahu melakukan pemasangan semula bekalan elektrik, mereka perlu mendapatkan kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu.

"Operasi pemotongan bekalan elektrik ini akan diteruskan dari semasa ke semasa sebagai langkah untuk memerangi kegiatan judi haram di daerah ini.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap individu yang didapati melanggar undang-undang," katanya.